

# Tak perlu usul undi percaya terhadap PM

Penganalisis politik sifatkan retorik perlu dihentikan bagi bolehkan kerajaan fokus bina negara

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiada keperluan untuk mengemukakan usul undi percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Dewan Rakyat hanya disebabkan dakwaan wujudnya Akuan Bersumpah (SD) mencukupi untuk menjatuhkan kerajaan, yang bukan datang daripada Ahli Parlimen atau parti politik.

Penganalisis politik berpendapat, usul sama pernah dikemukakan sebelum ini terhadap Anwar dan jumlah 152 Ahli Parlimen kerajaan ketika ini sudah menunjukkan kedudukan Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar masih kukuh.

Penganalisis politik dari Pusat Perdana Fakulti Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Dr Mazlan Ali, berpendapat kerajaan tidak perlu melayan dakwaan mengenai SD berkenaan, yang dibuat oleh penulis blogger, Raja Petra Kamarudin.

“Dakwaan ini dibuat seorang blogger yang duduk di luar negara, bukan pemimpin daripada Perikatan Nasional (PN), berbeza jika Pengerusi atau Setiausaha Agung PN membuat sidang media atau kenyataan rasmi menyatakan mereka ada cukup SD atau sokongan Ahli Parlimen untuk menjatuhkan kerajaan.

“Jika ia berlaku, maka wajar dibuat undi percaya terhadap Perdana Menteri kerana beliau dipercayai sudah tiada majoriti tapi dakwaan ketika ini, tiada local standi, jadi mengapa perlu dilakukan undi percaya?” katanya kepada *BH*, semalam.

Minggu lalu, penulis blog kontroversi, Raja Petra mendakwa pembangkang berjaya memperoleh 120 SD untuk menjatuhkan pentadbiran Anwar.

Khamis lalu, Anwar mencabar pembangkang untuk membawa

usul tidak percaya terhadapnya di Dewan Rakyat jika mahu menumbangkan kerajaan.

Anwar berkata, Kerajaan Perpaduan sudah memberi peluang kepada usul tidak percaya dibuat, namun langkah itu tidak pernah dilakukan pembangkang sejak setahun lalu.

Beliau mengulas cadangan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim bahawa sokongan terhadap seseorang Perdana Menteri harus diputuskan melalui undi percaya di Dewan Rakyat dan bukannya berdasarkan SD.

Mengulas lanjut, Mazlan berkata, jika undi percaya terhadap Anwar dibuat, ia akan memberi gambaran kepada masyarakat antarabangsa bahawa semanginya berlaku ketidakstabilan politik di Malaysia.

“Ini seterusnya akan menyebabkan pelabur asing bimbang dan menangguhkan pelaburan mereka kerana pertukaran kerajaan boleh membawa perubahan dasar yang menjejaskan kepentingan mereka,” katanya.

Sementara itu, Penganalisis Keselamatan dan Politik di Pusat

Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin, dalam nada sama menyatakan undi percaya terhadap Perdana Menteri bukan satu keperluan kerana pernah dibuat pada Disember 2022.

Nirwandy berkata, retorik dan permainan politik untuk menjatuhkan kerajaan itu perlu dihentikan bagi membolehkan kerajaan fokus untuk membina negara.

“Masyarakat mahu lihat semak imbang yang baik dalam kerajaan. Ahli politik perlu fokus membina dasar dan mendesak pembaharuan serta penambahbaikan terhadap dasar kerajaan.

“Jangan jadikan politik medan untuk kepentingan peribadi dan mencipta sketsa politik yang tidak berkesudahan,” katanya.

Usul undi percaya terhadap Anwar pernah dibentangkan pada 19 Disember 2022 dan diluluskan di Dewan Rakyat, susulan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 yang menyebabkan situasi Parlimen tergantung, yang mana tiada parti politik atau gabungan parti politik memperoleh majoriti mudah untuk membentuk kerajaan.